	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
<b>1.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA</b>						
<b>1.1 Perbelanjaan</b>						
1.1.2 Perbelanjaan Mengurus (RM)				30,617,500.00	29,683,058.42	96.95
1.1.3 Perbelanjaan Pembangunan KWPH (RM)				8,125,020.00	8,100,028.31	99.69
1.1.4 Perbelanjaan Pembangunan P07 (RM)	7,100,000.00	6,924,363.75	97.53			
<b>JUMLAH</b>		<b>6,924,363.75</b>	<b>97.53</b>	<b>38,742,520.00</b>	<b>37,783,086.73</b>	
<b>1.2 Kutipan Hasil</b>						
1.2.1 Royalti (RM)						
1.2.1.1 Kayu Balak				16,763,669.22		
1.2.1.2 Keluaran Hutan Lain				5,869,661.54		
1.2.2 Ses (RM)				6,633,403.18		
1.2.3 Premium (RM)				22,398,705.99		
1.2.4 Lain-lain (RM)				5,382,088.96		
<b>JUMLAH</b>				<b>57,047,528.89</b>		
<b>2.0 PENGURUSAN SUMBER HUTAN</b>						
2.1 Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpan	450 km	898,543.00	99.83			
2.2 Pengurusan Kawasan Hutan Perlindungan Tanah						
2.3 Pengurusan Kawasan Tadahan Air						
2.4 Pembangunan dan Pengurusan Kawasan Hutan Taman Negeri	1 buah	49,051.20	98.10			
2.5 Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)				6000 ha	565,638.50	99.99
2.6 Penandaan Pokok		0.00				
2.7 Pemuliharaan Hutan Bernilai Tinggi (HCVFs)				1 rancangan	550	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>947,594.20</b>				
<b>3.0 HUTAN MASYARAKAT</b>						
3.1 Tanaman dan Rawatan Hutan Perkampungan	20 ha	68,848.00	98.35			
3.2 Menaiktaraf Tapak Semaian Pusing (Bekalan Anak Benih)	20,000 pokok	176,487.40	88.24			
<b>JUMLAH</b>		<b>245,335.40</b>				




Program dan Aktiviti		P07			KWPH		
		Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
<b>4.0</b>	<b>PEMBANGUNAN HUTAN ASLI</b>						
4.1	Tanaman Bakau dan Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara	200 ha	1,099,064.28	99.91			
4.2	Penubuhan Arboretum Perhutanan	2 buah	100,000.00	100.00			
4.3	Simpanan Hutan Dara	300 ha	299,992.92	99.99			
4.4	Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)				6000 ha	551,486.00	93.62
4.5	Memotong Akar Papanjat (CL)				2000 ha	172,603.00	100.00
4.6	Tanaman dan Rawatan Mengaya				200 ha	228,659.00	100.00
4.7	Tanaman dan Rawatan Bakau				500 ha	1,195,681.47	95.65
4.8	Pemuliharaan Kawasan Terosot				25 ha	59,430.00	100.00
4.9	Pembangunan Tapak Semaian				7 buah	430,188.22	
	<b>JUMLAH</b>		<b>1,499,057.20</b>			<b>2,638,050.69</b>	<b>98.79</b>
<b>5.0</b>	<b>EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR</b>						
5.1	Hutan Bandar	1 program perhutanan sosial	133,405.00	66.70			
5.2	Penubuhan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur	7 buah	1,498,017.61	85.28			
5.3	Menaiktaraf Dan Penyelenggaraan Hutan Lipur				14 buah	698,367.76	100.00
5.4	Penubuhan Prasarana dan Pempograman Rekreasi				1 buah	293,768.50	83.99
5.5	Tmn Rimba Kledang Saiong						
	Sistem Amaran Kepala Air				2 buah	368,975.70	99.72
	<b>JUMLAH</b>		<b>1,631,422.61</b>			<b>1,376,081.21</b>	<b>97.63</b>
<b>6.0</b>	<b>PEMBANGUNAN LADANG HUTAN</b>						
6.1	Penubuhan Ladang Hutan						
6.2	Rawatan dan Penyelenggaraan Ladang Hutan				50 ha	199,930.00	99.96
	<b>JUMLAH</b>					<b>199,930.00</b>	<b>99.96</b>



# ➤ Prestasi Utama 2013

Program dan Aktiviti	P07			KWPB			
	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	
<b>7.0</b>	<b>PENGURUSAN SUMBER BUKAN KAYU</b>						
7.1	Tanaman dan Rawatan Hutan Tani	20 ha	49,807.00	99.61			
7.2	Tanaman dan Rawatan Rotan (ha)	10 ha	27,558.00	100.00			
7.3	Tanaman dan Rawatan Buluh (ha)	10 ha	41,150.00	100.00			
7.4	Tanaman dan Rawatan Herba Hutan	20 ha	131,272.20	99.98			
7.5	Penyelenggaraan Taman Herba, Papan				1 buah	244,925.00	99.96
7.6	Pembangunan dan Penghasilan Produk Herba Hutan				1 produk	0.00	
	<b>JUMLAH</b>		<b>249,787.20</b>	<b>99.91</b>		<b>244,925.00</b>	<b>99.96</b>
<b>8.0</b>	<b>INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN</b>						
8.1	Penyelenggaraan/ Naiktaraf Bangunan Pejabat dan Kuarters		1,502,202.74	100.00			
8.2	Pembinaan Baru Bangunan Pejabat/ Kuarters		771,554.40	96.44			
8.3	Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Hutan		77,410.00	96.76			
	<b>JUMLAH</b>		<b>2,351,167.10</b>	<b>98.79</b>			
<b>9.0</b>	<b>PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN</b>						
9.1	Risalah Perhutanan dan Lain-Lain Penerbitan				3 penerbitan	147,802.75	100.00
9.2	Pameran, Seminar dan Program Perhutanan				10 program	362,312.40	92.90
9.3	Ceramah dan Kempen Kesedaran Perhutanan				5 ceramah	32,238.50	84.84
9.4	Pembelian Peralatan dan Kelengkapan Kerja Luar				1bu pejabat & 5 daerah	249,979.75	99.99
9.5	Pembelian Kenderaan Pacuan Empat Roda				2 buah	192,000.00	100.00
9.6	Pembelian Bot & Trailer				1 buah	207,060.00	100.00
	<b>JUMLAH</b>					<b>1,191,393.40</b>	<b>97.92</b>
<b>10.0</b>	<b>PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN</b>						
10.1	Penyediaan RPH Hutan Paya Laut				400 naskah	37,500.00	100.00
10.2	Pemantauan Udara				60 jam	41,200.00	100.00
10.3	Pengangkutan Untuk Membawa Barang Kes (Jentera)				8 penghantaran	71,000.00	100.00
	<b>JUMLAH</b>					<b>149,700.00</b>	<b>100.00</b>





Program dan Aktiviti	P07			KWPH		
	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (&)
<b>11.0 IT DAN K PERHUTANAN</b>						
11.1 Pembangunan Sistem Hasil Perhutanan				1 laman web	29,380.00	100.00
11.2 Peningkatan Sistem GIS				1 plotter, 2 komputer	33,354.00	99.21
<b>JUMLAH</b>					<b>62,734.00</b>	<b>99.60</b>
<b>12.0 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA</b>						
12.1 Elaun Perjalanan Kakitangan				50 orang	852,222.32	95.17
12.2 Elaun dan Gaji Kakitangan Kontrak				45 orang	713,462.91	88.73
12.3 Kursus dan Latihan Kakitangan				12 kursus	120,309.53	97.02
<b>JUMLAH</b>				<b>1,376,100.19</b>	<b>1,685,994.76</b>	<b>91.66</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>6,924,363.75</b>			<b>8,100,028.31</b>	
<b>PERATUS PERBELANJAAN (%)</b>		<b>97.53</b>			<b>99.69</b>	







# ➤ Perlembagaan, Dasar & Undang-Undang

Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Tasik Temenggor



### • Peruntukan Perlembagaan

**Di bawah artikel 74(2) Perlembagaan Malaysia, Perhutanan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setiap negeri berkuasa menjalankan undang-undang di sektor perhutanan dan menggubal dasar perhutanan mereka sendiri. Pihak Berkuasa Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.**

Bagi memudahkan penyelarasan dan penyeragaman dalam bidang perhutanan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah Perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

### • Dasar Perhutanan Negara

Dasar Perhutanan Negara (DPN) telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1977

dan kemudiannya disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 19 April 1978. Seterusnya dasar ini telah diterimapakai di Negeri Perak Darul Ridzuan. Penggubalan dasar tersebut adalah menjurus kepada pendekatan yang menyeluruh untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor perhutanan dalam mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan.

Pada tahun 1992, Dasar Perhutanan Negara telah dikaji semula selaras dengan kesedaran masyarakat keseluruhannya tentang kepentingan hutan dari segi sosio-ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Dengan itu, Majlis Tanah Negara telah meluluskan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) pada 10 November 1992. Negeri Perak Darul Ridzuan telah menerimapakai dasar tersebut yang menjurus ke arah pendekatan mengurus sumber hutan secara berkekalan untuk pembangunan sosio-ekonomi, pemuliharaan hutan dan menjaga kepentingan alam sekitar.

### • Majlis Perhutanan Negara

Bagi menyelaraskan hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan hutan, penubuhan MPN tidak berasaskan kepada mana-mana peruntukan dalam perlembagaan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

### • Undang-Undang

#### I. Akta Perhutanan Negara 1984

Akta ini digubal bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif yang telah digariskan dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Ia adalah seragam di semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Enakmen-Enakmen Hutan yang telah digubal

sebelum ini.

## II. Kaedah-Kaedah Hutan 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Perhutanan Negara (APN) di mana ia berpandukan Seksyen 111 APN 1984 (Pindaan 1993). Kaedah ini telah diwartakan pada 17 Disember 1987 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1988.

## III. Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1984

Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 25 Mac 1986 sebagai Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1986 dan telah diwartakan pada 26 Mei 1986.

## IV. Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Industri Berasaskan Kayu 1984 dan berkuatkuasa pada 1 September 1987.

## V. Undang-undang Lain Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan Bagi MC&I (Hutan Asli) 2013

- Akta Perhutanan Negara 1984
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976;
- Dasar Perhutanan Negara 1978;
- Dasar Kepelbagaian Biologi Negara, 1998;
- Kaedah-Kaedah Hutan;
- Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1990;
- Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010;
- Rancangan Pengurusan Hutan;
- Semakan Rancangan Pengurusan Hutan;
- Manual Perhutanan (Jilid I);
- Manual Perhutanan (Jilid II);
- Manual Perhutanan (Jilid III);
- Manual Kerja Luar Sistem Pengurusan Memilih;
- Panduan Penentuan Catuan Tebangan Tahunan;
- Inventori Hutan Nasional Ke-4;
- Garis Panduan Jalan Hutan 2010;
- Spesifikasi Jalan Hutan;
- Guidelines for Reduced Impact Logging;
- Garis Panduan Balai Pemeriksaan Hutan – BPH;
- Forest Related Laws (Vol 1);
- Forest Related Laws (Vol 2);
- Forest Related Laws (Vol 3);

- Aboriginal Peoples Act 1954;
- Kanun Tanah Negara, 1965;
- Kanun Keseksaan, (FMS Cap.6 45), 1984 (Pindaan 1993);
- Kanun Acara Jenayah, (FMS Cap.6), 1903 (Pindaan 1995);
- Akta Keterangan, 1950 (Pindaan 1993);
- Akta Perlindungan Tanah, 1960;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1995);
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- Akta Prosedur Kewangan, 1967 (Pindaan 1993);
- Enakmen Bekalan Air, 1935;
- Employees Provident Fund Act 1991;
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969;
- Akta Pampasan Pekerja, 1952;
- Akta Perhubungan Pengusahaan, 1967;
- Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Akta 262);
- Akta Pekerjaan, 1955;
- Federal Laws;
- Akta Kilang dan Jentera;
- Policies;
- Akta Perlindungan Hidupan Liar, 2010;
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, 1973;
- Akta Taman Negara, 1980 (Pindaan 1983);
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, 1985;
- International Agreements;
- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO);
- National Physical Plan 2;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/96;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/97;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/2009;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/2010;
- Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Dalam Operasi;
- National Tiger Action Plan;
- Pelan Pengurusan Gajah;
- Laporan Tahunan JPSM 2010;
- Laporan Tahunan JPN Perak 2010;
- Panduan Kerja Luar Inventori Hutan Nasional Ke-5;
- Garis Panduan Kriteria Pemilihan dan Prosedur Penandaan Pokok Ibu;
- Panduan Penentuan Had Batas Tebangan;
- Panduan Mengisi Borang Bancian Kawasan Selepas Dibalak (LOF);
- Kod Amalan Pengusahasilan Hutan Darat Asli SM;



# >Peruntukan

Perlembagaan, Dasar dan Undang-undang



- Panduan Pengusahaan Hutan Melalui Kawalan Isipadu;
- Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut SM;
- Panduan Penubuhan Petak Contoh Kekal Ladang Hutan Kompensatori;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Panduan Penanaman Buluh;
- Panduan Penanaman Rotan;
- Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh;
- Manual Pengurusan Tapak Semaian Spesies Pokok Hutan SM;
- Panduan Penubuhan dan Kerja Luar Petak Ekologi VJR;
- Panduan Kerja Luar Bancian Hutan Dara;
- A Manual of Enrichment Planting in Logged-Over Forest;
- Understanding REDD+;
- Kawasan Tadahan Air;
- Kawasan HCVFs;
- Panduan Penubuhan VJR;
- Hutan Simpan Dara Maklumat VJR;
- Bancian Hutan Sebelum Tebangan;
- Menanda & Mencuci;
- Hutan Penyelidikan;
- Biodata Perkampungan Orang Asli 2010;
- Akta Orang Asli, 1954;
- Senarai Hidupan Liar;
- Manual Kerja Luar Kaw. Kajian Tetap CFI





# > Imbasan 2013

Jabatan Perhutanan Negeri Perak

*Pemandangan silara pokok meranti seraya dari atas, yang jelas kelihatan seperti sayur brokoli*

## PERBELANJAAN

Pada tahun 2013, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menerima peruntukan keseluruhannya sebanyak RM15,225,020 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan iaitu sebanyak RM

8,125,020.00 bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan RM 7,100,000.00 bagi Kewangan Negeri (P07). Sejumlah RM 8,100,028.31 (99.69 %) bagi wang KWPH dan RM 6,924,363.75 (97.53 %) bagi wang P07 telah dapat dibelanjakan dari peruntukan tersebut dalam tahun 2013. Butir-butir peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti dalam Jadual 1.

Bil	Jenis Peruntukan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
1.0	KWPH	8,125,020.00	8,100,028.31	99.69
2.0	P07	7,100,000.00	6,924,363.75	97.53
<b>Jumlah Besar</b>		<b>15,225,020.00</b>	<b>15,024,392.06</b>	<b>98.61</b>

**Jadual 1 :** Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun 2013



## PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

### Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan Hutan Simpanan Kekal (HSK) menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap lima (5) tahun. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pengukuran dan menanda sempadan baru, pembersihan sempadan lama HSK, menyediakan Pelan Ukur Sempadan HSK dan pembelian serta pemasangan papan tanda HSK. Sebanyak RM 900,000.00 telah diperuntukan di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) dan sebanyak RM 898,543.00 telah dibelanjakan untuk mencuci dan menanda kawasan sejauh 205.85 km manaka 84.7 km untuk Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Luar HSK oleh Jurukur Berlesen.

### Pengurusan Kawasan Tadahan Air

Rancangan Pengurusan Kawasan Hutan Tadahan Air merupakan satu pelan induk pengurusan kawasan Tadahan Air dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Perak. Rancangan ini memberi satu gambaran yang lengkap mengenai latar belakang organisasi, persektif pembangunan termasuk juga strategi, matlamat dan objektif yang hendak dicapai dalam jangka masa terdekat dan 10 tahun akan datang.

Seluas 159,866 ha kawasan di Negeri Perak telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air pada 2 Ogos 2007 manakala Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010 telah digunapakai bermula 1hb Januari 2011. Namun begitu sehingga kini tiada rancangan pengurusan khusus dilaksanakan oleh Jabatan ini. Oleh yang



demikian bagi mencapai objektif pengurusan secara mampan tercapai dan kawasan Tadahan Air dilindungi sepenuhnya, adalah perlu satu rancangan yang terperinci dan khusus bagi kawasan Tadahan Air dirangka dan dilaksanakan.

### Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Jabatan Perhutanan bertanggungjawab meralisasikan pengurusan hutan secara berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif berkenaan adalah penting mempunyai maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh yang tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih agar aktiviti pengurusan yang berkekalan dan pengusahasilan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Di samping itu, melalui maklumat berkenaan Had Batas Tebangan (HBT) yang optimum dapat ditentukan dengan tepat.

Bagi tahun 2013, sebanyak RM 565,639.00 telah diperuntukan untuk menjalankan aktiviti Pre-F. Seluas 6,688.0 hektar telah berjaya dibanci menggunakan peruntukan tersebut.

### Pemuliharaan Hutan Bernilai Tinggi (HCVFs)

Projek ini dijalankan dengan tujuan memelihara dan mengekalkan kawasan dan isi hutan yang mempunyai ciri-ciri menarik dan unik serta bernilai tinggi bagi kepelbagaian biologi meliputi komposisi tumbuhan flora. Kawasan HCVFs boleh merupakan sebahagian kecil daripada seluruh hutan. Mula diperkenalkan pada tahun 1999 bagi memenuhi keperluan prinsip MC&I (2002) bagi membuktikan pengurusan hutan secara berkekalan dengan

pembalakan berimpak rendah. Sehingga tahun 2011 Negeri Perak telah menubuhkan sebanyak 7 petak HCvFs merangkumi kawasan Pakma, Sira Jenut, Tapak Perkuburan Pra-Sejarah, Balau Putih (*Shorea Lumutensis*), dan Daun Sang (*Johannesteijsmannia Perakensis*)

## PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

### Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)

Hutan Simpanan Kekal perlu diklasifikasikan mengikut fungsi seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara. Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis – jenis hutan yang terdapat di negeri Perak.

Penubuhan Hutan Simpanan Hutan Dara berfungsi mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan penubuhan ini dapat memelihara habitat flora dan fauna sekaligus menjamin kelangsungan sumber genetik flora dan fauna serta mikro organisma di samping dapat menyediakan kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Sebanyak RM 299,992.92 daripada RM 300,000.00 telah dibelanjakan untuk menjalankan projek bancian dan penandaan sempada VJR.

## PROGRAM PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN

### Penyediaan RPH Paya Laut

Projek ini dijalankan dengan tujuan untuk menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut bagi tempoh sepuluh tahun iaitu bermula tahun 2010 hingga 2019. Penyediaan buku ini adalah kesinambungan perancangan yang telah dibuat sejak tahun 1930. Segala pengurusan Hutan Paya Laut untuk tempoh sepuluh tahun akan datang berpandukan kepada buku ini bagi menjamin pengurusan hutan berkekalan dan mengekalkan corak pengurusan Hutan Paya Laut terbaik di dunia.

Penyediaan Kajian Separuh Penggal RPH Laut bagi tempoh 2006 – 2015

Projek ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai dan membuat kajian terhadap keberkesanan rancangan yang telah dibuat pada tahun 2006. Melalui kajian ini, segala input baru dan penambahbaikan akan dilakukan sebelum dibukukan

## PROGRAM IT DAN K-PERHUTANAN

### Pembangunan Sistem Hasil

Projek Pembangunan Sistem Hasil Perhutanan dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan perkhidmatan sistem teknologi maklumat di jabatan ini dengan membangunkan laman web yang bermaklumat dan dapat dicapai oleh kakitangan dan orang awam.

Sebanyak RM 29,380.00 telah digunakan untuk menaiktaraf laman web, menjalankan kerja naik taraf server dan *documentation* bagi rangkaian.

### Peningkatan Sistem GIS

Projek Peningkatan Sistem GIS pula bertujuan memantapkan penggunaan sistem GIS agar seiring dengan langkah kerajaan menggunakan teknologi bagi memudahkan dan mempercepatkan kerja seharian.

Sebanyak RM 33,620.00 telah diperuntukan untuk kegunaan pembelian *plotter* dan komputer.

### Operasi Hutan

Sumber Hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan mempraktikkan amalan pengurusan hutan secara berkekalan (*Sustainable Forest Management, SFM*) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, HSK telah diurus melalui dua giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu sejak akhir ini, kebanyakan kawasan HSK diurus melalui Sistem Tebangan Memilih (*Selective Management System*,

SMS) dengan pusingan tebanan selama 30 tahun. Sistem Pengurusan Memilih melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum. Di bawah sistem ini tebanan pokok dari kumpulan Dipterokarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas. Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimumkan pengusahaan hutan. Had Batas Tebanan akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebanan. Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1 : Turutan Operasi Sistem Pengurusan Memilih (SMS)**

Tahun	Operasi
n-2 hingga n-1	Inventori Hutan Sebelum Tebanan berintensiti 10.0% menggunakan Systematic Line Plots untuk menentukan Had Batas Tebanan.
n-1 hingga n	Penandaan Pokok dan menentukan arah tebanan bagi pokok untuk diusahasil. Penandaan Pokok juga dilaksanakan bagi pokok-pokok untuk dirian tinggal, Pokok Perlindungan dan Pokok Ibu,
n	Penebangan pokok sebagaimana yang ditentukan / disyaratkan
n+1/4 hingga n+1/2	Bancian untuk menentukan denda ke atas pokok yang tidak di tebang dan kerosakan ke atas dirian tinggal serta royalti ke atas balak pendek dan balak kecil yang tidak dikeluarkan.
n+2 hingga n+5	Inventori Hutan Selepas Tebanan berintensiti 10.0% menggunakan Systematic Line Plots untuk menentukan stok dirian tinggal dan rawatan yang sesuai.
n+7	T1 (Rawatan lanjutan) dijalankan
n+10	Inventori hutan dijalankan untuk menentukan status pemulihan

**n** : Tahun Tebanan

## Hutan Paya Laut

Pengurusan Hutan Paya Laut Matang (HPLM) diuruskan dengan merujuk kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) yang disediakan serta dikemaskini bagi tempoh setiap 10 Tahun semenjak dari tahun 1950. Merujuk kepada RKHPLM terkini iaitu bagi tempoh tahun 2010-2019, pengurusan Hutan Paya Laut Matang telah memasuki Fasa 10 Tahun Pertama bagi Giliran Tebanan Ketiga (30 Tahun Giliran Tebanan) serta telah diuruskan secara berkekalan bagi mencapai tiga (3) objektif utama pengurusan HPLM sebagaimana yang berikut:

- Bagi menyumbang aktiviti penghasilan Arang Kayu Bakau secara mapan;
- Bagi menyumbang aktiviti penghasilan Kayu Jaras Bakau secara mapan; dan
- Untuk tujuan konservasi dan perlindungan flora dan fauna kawasan HPL.

Selaras dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Hutan Paya Laut telah diuruskan mengikut turutan operasi seperti di Jadual 2.

**Jadual 2 : Turutan Operasi Sistem Pengurusan Hutan Paya Laut**

Tahun	Operasi
n	Tebangan bagi pengeluaran arang kayu
n + 1	Penentuan kawasan untuk penanaman semula
n + 2	Penanaman semula ( Rhizophora spp. )
n + 3	Bancian peratus pokok yang berjaya hidup dan rawatan pengayaan (jika perlu)
n + 15	Aktiviti penjarangan pertama menggunakan kayu 1.2 m (kayu jaras)
n + 20	Aktiviti penjarangan kedua menggunakan kayu 1.8 m (kayu jaras)
n	Tebangan bagi pengeluaran arang kayu

**n** : dirian 30 tahun

Unit Silvikultur & Perlindungan berfungsi melaksanakan amalan silvikultur bagi kawasan hutan darat asli dan hutan paya laut bagi memenuhi keperluan sistem pengurusan hutan yang diamalkan iaitu Sistem Pengurusan Memilih [*Selective Management System (SMS)*]. Unit Silvikultur & Perlindungan ini juga berperanan membantu pentadbiran dalam menguruskan perbelanjaan Projek-Projek Pembangunan Hutan iaitu Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan Kewangan Negeri (P07) serta Peruntukan Kerajaan Persekutuan (P23).

## PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Program Pembangunan Sumber Hutan dilaksanakan untuk memulih dan meningkatkan produktiviti kawasan Hutan Simpanan Kekal supaya pengeluaran kayu-kayuan dan lain-lain keluaran hutan dapat dipertingkatkan dan terjamin pada masa akan datang. Projek Pembangunan Hutan yang dilaksanakan dibawah program ini adalah seperti berikut:

### Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Setiap kawasan yang telah diusahasikan perlu dinilai status isi kandungannya melalui Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F). Pelaksanaan amalan Post-F bertujuan untuk mengenalpasti kandungan isi hutan dan spesies dirian tinggal di kawasan yang telah diusahasikan. Maklumat yang diperolehi, akan digunakan sebagai panduan untuk menentukan jenis rawatan silvikultur yang bersesuaian bagi memastikan setiap kawasan tersebut pulih dan dapat diusahasil pada tebangan akan datang. Ini bertujuan untuk membantu hutan tersebut untuk pulih seperti komposisi hutan sebelum tebangan dengan mengandungi stok dirian yang mencukupi dan berekonomi dalam satu jangkamasa yang dirancang bagi menjamin bekalan kayu kayuan yang berterusan di masa hadapan.



Maklumat-maklumat Post-F yang dikumpulkan adalah mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya dapat diketahui gambaran isi hutan yang sebenar selepas tebangan. Maklumat lain yang dikutip adalah mengenai kewujudan pepanjat, bertam dan tumbuhan-tumbuhan lain.

Mengikut amalan di negeri Perak, mana-mana kawasan HSK yang telah diusahasil akan dilaksanakan Post-F 2 tahun selepas sesuatu kawasan itu disediakan Laporan Penutup Aktiviti Pembalakan. Aktiviti Post-F ini dijalankan secara Jabatan atau secara kontrak. Maklumat keluasan kawasan inventori Post-F adalah seperti di Jadual 1.



**Jadual 1 :** Keluasan Kawasan Yang Telah Dilaksanakan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) Di Negeri Perak (2000-2013)

Tebangan Di dalam Catuan Tebangan Tahunan		Aktiviti Post-F yang dilaksanakan	
Tahun	Luas (ha)	Tahun	Luas (ha)
1998	6,008.70	2000	10,123.20
1999	6,721.00	2001	6,577.60
2000	5,107.60	2002	9,822.68
2001	3,451.70	2003	7,711.50
2002	6,004.50	2004	9,740.27
2003	7,577.00	2005	9,021.00
2004	7,406.90	2006	10,193.30
2005	8,261.70	2007	5,398.90
2006	7,703.00	2008	9,624.50
2007	7,200.00	2009	5,060.65
2008	6,220.00	2010	2,990.00
2009	6,416.00	2011	1,820.00
2010	6,927.00	2012	4,325.20
2011	6,859.00	2013	6,053.50
<b>Jumlah:</b>	<b>91,864.10</b>	<b>Jumlah:</b>	<b>98,462.30</b>

### Memotong Akar Papanjat (CL)

JPNPK juga telah melaksanakan Projek Pemotongan Akar Papanjat (CL) di kawasan HSK yang telah diusahailkan bagi memastikan kawasan tersebut mampu terpulih sepenuhnya sebelum mencapai tahun pusingan pembalakan yang berikutnya. Tujuan aktiviti ini dilakukan adalah untuk memastikan pokok tebangan mampu hidup dengan subur.

Aktiviti ini dijalankan secara Jabatan atau secara kontrak. Secara amnya, kawasan yang dijalankan dengan CL adalah tinggi iaitu kira-kira 70.3% disepuluh tahun terakhir ini. Keadaan kawasan hutan bekas pengusahaan yang banyak ditumbuhi dengan akar papanjat adalah biasa kerana keadaan ekologi kawasan hutan darat tropika telah memangkinkan pertumbuhan spesies-spesies ini. Walaubagaimanapun, amalan CL melebihi sepuluh tahun selepas ianya dijalankan masih belum dapat dipastikan keberkesannya. Sungguhpun begitu, berdasarkan pengamatan kesan akar papanjat keatas dirian hutan dibalik

yang akan diusahailkan tidaklah signifikan dan lebih bersifat lokaliti (*site specific*). Maklumat bagi Projek Pemotongan Akar Papanjat di Negeri Perak adalah seperti Jadual 2.

**Jadual 2 :** Keluasan Kawasan Yang Telah Dilaksanakan Projek Pemotongan Akar Papanjat (CL) Di Negeri Perak (2001-2013)

Post-F		Pemotongan Akar Papanjat		Peratusan CL berbanding Post-F
Tahun	Luas (ha)	Tahun	Luas (ha)	(%)
2000	10,123.20	2002	6,925.30	68.41
2001	6,577.60	2003	7,008.80	106.55
2002	9,822.68	2004	5,394.90	54.92
2003	7,711.50	2005	9,021.00	116.97
2004	9,740.27	2006	6,723.10	69.02
2005	9,021.00	2007	9,139.70	101.32
2006	10,193.30	2008	5,683.00	55.75
2007	5,398.90	2009	4,020.70	74.48
2008	9,624.50	2010	3,495.60	36.32
2009	5,060.65	2011	1,680.00	33.20
2010	2,990.00	2012	1,536.60	51.20
2011	1,820.00	2013	2,057.20	113.03
<b>Jumlah :</b>	<b>88,083.60</b>	<b>Jumlah :</b>	<b>62,685.90</b>	<b>71.17</b>

### Tanaman Mengaya (TM)

Projek Tanaman Mengaya (TM) dijalankan untuk membantu memulihkan isi kandungan hutan supaya mencapai ke tahap yang dikehendaki terutama dari segi komposisi jenis berpasaran dan bermutu tinggi. Projek TM dijalankan berdasarkan kepada keputusan Bancian Hutan Selepas Tebangan yang menunjukkan sesuatu dirian tidak mencukupi isi kandungan dan taburan tumbuhan terpilih.

Rawatan TM dilaksanakan setelah keputusan inventori Post-F menunjukkan kandungan stok dirian tinggal di kawasan yang telah dibalik adalah miskin. Oleh itu kerja-kerja pemulihan perlu dijalankan dengan TM untuk memperbanyakkan semula stok hutan tersebut dengan komposisi spesies bermutu tinggi dan komersil. Tanaman mengaya melibatkan penanaman dalam sesuatu kawasan dengan spesies asal atau spesies dagang

untuk mengayakan semula kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, tindakan pemulihan hutan ini tidak banyak mengganggu dirian tinggal atau ditanam di kawasan-kawasan yang dikatakan miskin. Oleh itu untuk menjamin kesuburan serta pengekalan spesies yang telah ditanam, rawatan tanaman mengaya perlu dilaksanakan seperti membuka naungan, menyulam dan menebas. Berdasarkan maklumat yang dikutip di sepuluh tahun terakhir ini, jumlah kawasan hutan yang terganggu dengan ketara akibat aktiviti pengusahaan adalah rendah iaitu pada julat 0.36% - 5.69% berbanding kawasan pengusahaan. Ini memberikan gambaran stok dirian hutan selepas pengusahaan di kawasan hutan yang diuruskan dengan rejim pengurusan Sistem Tebangan Memilih (*Selective Management System – SMS*) di Negeri Perak pada amnya adalah memuaskan. JPNNK menggunakan spesies yang bermutu tinggi iaitu Meranti tembaga (*Shorea leprosula*) dan Meranti Sarang Puncu dalam pelaksanaan Aktiviti Tanaman Mengaya. Pemilihan spesies ini dibuat berdasarkan faktor kesesuaian spesies tersebut untuk Tanaman Mengaya serta ciri-ciri spesies tersebut. Maklumat bagi Tanaman Mengaya di Negeri Perak ditunjukkan di Jadual 3.

**Jadual 3 :** Keluasan Kawasan Yang Telah Dilaksanakan Tanaman Mengaya Di Negeri Perak (2001-2013)

Post-F		Pemotongan Akar Pemanjat		Peratusan CL berbanding Post-F
Tahun	Luas (ha)	Tahun	Luas (ha)	(%)
2000	10,123.20	2002	-	-
2001	6,577.60	2003	76.00	1.16
2002	9,822.68	2004	-	-
2003	7,711.50	2005	28.00	0.36
2004	9,740.27	2006	44.00	0.45
2005	9,021.00	2007	256.00	2.84
2006	10,193.30	2008	166.00	1.63
2007	5,398.90	2009	256.00	4.74
2008	9,624.50	2010	290.00	3.01
2009	5,060.65	2011	33.00	0.65
2010	2,990.00	2012	200.00	5.69
2011	1,820.00	2013	230.00	12.63
<b>Jumlah :</b>	<b>86,263.60</b>	<b>Jumlah :</b>	<b>1,319.00</b>	<b>1.53</b>

### Tanaman dan Rawatan Bakau

Projek Tanaman Bakau (Tanaman Hutan Paya Laut) Pesisiran Pantai Negeri Perak telah dijalankan bagi meningkatkan produktiviti dirian Hutan Paya Laut dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan. Di Negeri Perak Darul Ridzuan, kerja-kerja tanaman dan rawatan kebanyakannya tertumpu dikawasan Hutan Paya Laut Matang, Daerah Hutan Larut Dan Matang, Taiping dan Tanah Kerajaan Mukim Lekir, Daerah Kinta/Manjung. JPNNK komited untuk melaksanakan beberapa program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai. Program ini bertujuan untuk memastikan kawasan hutan paya bakau dan hutan pesisiran pantai di negara kita dapat dikekalkan dan dipulihara. Kebanyakan kawasan yang terlibat adalah kawasan Tanah Kerajaan dan kawasan terganggu. Justeru, dengan adanya program seperti ini, pihak JPNNK berharap kawasan tersebut dapat dipulihkan sepenuhnya. Antara spesies pokok yang ditanam adalah seperti Bakau Kurap, Bakau Minyak, Rhu, Bintangor Laut, Ketapang, Nipah dan Api-api. Maklumat keluasan kawasan dan bilangan pokok yang ditanam bagi program ini bermula tahun 2005 sehingga September 2013 dinyatakan seperti di Jadual 4.

**Jadual 4 :** Status Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Sesuai Di Pesisiran Pantai Di Negeri Perak

Tahun	Luas (ha)	Bilangan Pokok
2005	31.0	167,220
2006	21.0	124,285
2007	56.2	143,700
2008	119.2	207,300
2009	65.0	238,671
2010	55.0	255,075
2011	50.0	125,000
2012	658.90	2,872,293
2013	738.95	3,304,034
<b>Jumlah</b>	<b>1753.3</b>	<b>7,437,578</b>

Projek yang dijalankan di bawah peruntukan KWPH, P07 dan P23



### Pemuliharaan Kawasan Terosot

Projek ini dijalankan untuk memulihkan semula kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah musnah ini dengan menanam semula dengan spesies-spesies perhutanan yang bermutu tinggi. Projek ini amat perlu untuk memulih dan membangunkan semula sumber hutan yang telah diusahakan, rosak, dan miskin bagi meningkatkan produktiviti dan memaksimumkan pulangan setiap hektar kawasan hutan.

### Tapak Semaian

Projek Pembangunan Tapak Semaian untuk meningkatkan peranannya bagi memenuhi keperluan anak pokok hutan bagi pemulihan hutan dan kegunaan masyarakat tempatan. Tapak Semaian bukan sahaja berfungsi menyediakan pokok kepada masyarakat tetapi juga sebagai usaha mendekati masyarakat kepada perhutanan, menerokai bidang baru seperti dalam teknik penyediaan anak benih dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Tujuan khusus penubuhan tapak semaian adalah untuk menyediakan anak benih bermutu tinggi bagi tujuan penanaman semula di kawasan hutan, penyediaan pokok hiasan dan sebagai pusat penghasilan dan pembiakan spesies-spesies yang terancam. JPMPK sentiasa berusaha untuk meningkatkan peranannya bagi memenuhi keperluan anak pokok hutan bagi pemulihan hutan dan kegunaan masyarakat tempatan. Tapak Semaian juga berfungsi penting dalam usaha jabatan untuk mendekati masyarakat kepada perhutanan seperti Kempen Penanaman 26 Juta Pokok dan Program Penanaman Pokok Persisiran Pantai. Disamping itu tapak semaian JPMPK juga akan menjadi pembekal kepada tapak-tapak semaian swasta yang secara tidak langsung mendatangkan pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Tapak semaian memerlukan pengurusan yang sistematik bagi memastikan pengeluaran bahan tanaman berkualiti dapat dijalankan secara berterusan. Dengan adanya pengurusan yang sistematik, tapak semaian dapat membekalkan pokok yang bermutu tinggi terutamanya untuk ditanam di kawasan yang telah diusahakan, kawasan bekas lorong penarik serta kawasan bekas matau. Maka, dengan pembekalan anak pokok dari spesies yang bermutu tinggi tersebut, HSK yang telah diusahakan dapat meningkatkan produktiviti pada

masa akan datang. Di dalam pengurusan tapak semaian yang sistematik, beberapa maklumat dikutip setiap bulan. Maklumat tersebut adalah kapasiti pengeluaran bahan tanaman berkualiti, bilangan anak pokok yang dibeli dan yang dikutip serta spesies yang digunakan dalam Tanaman Mengaya.

Tapak Semaian di bawah JPMPK juga mempunyai maklumat kapasiti pengeluaran bahan tanaman berkualiti yang terdiri daripada spesies seperti Meranti Tembaga, Meranti Sarang Punai, Merawan Siput Jantan, Chengal dan spesies komersial yang lain yang digunakan sebagai pengkalan data dalam menyelaraskan pembekalan anak-anak benih khususnya untuk aktiviti-aktiviti jabatan. Maklumat kapasiti pengeluaran anak pokok bermula tahun 2010 sehingga Mei 2013 seperti di Jadual 5.

**Jadual 5 :** Kapasiti Pengeluaran Bahan Tanaman Berkualiti Di Negeri Perak (2010-2013)

Pejabat Hutan Daerah	Tapak Semaian	Kapasiti Pengeluaran Anak Pokok			
		2010	2011	2012	*2013
Hulu Perak	Air Ganda	38,520	50,160	58,408	25,761
Kuala Kangsar	Ulu Piol	25,450	47,950	59,325	52,996
Larut Matang	Bukit Larut	7,500	8,800	11,000	18,435
Larut Matang	Sg. Segu	3,455	2,326	-	-
Kinta Manjung	Pusing	31,720	15,570	35,313	15,224
Perak Selatan	Kg. Chang	820	-	3,942	3,396
Perak Selatan	Chikus	4,578	-	-	12,585
<b>Jumlah:</b>		<b>112,043</b>	<b>124,806</b>	<b>167,988</b>	<b>128,397</b>

\* - sehingga Nov 2013

Tapak Semaian JPMPK turut menjalankan proses kemasukan anak pokok di setiap tapak semaian melalui dua (2) kaedah iaitu pembelian anak pokok daripada pembekal dan pengutipan anak pokok liar di hutan yang kemudiannya disemai di tapak semaian. Berdasarkan maklumat kemasukan anak pokok, jumlah keseluruhan anak pokok yang dibeli lebih tinggi berbanding pokok yang dikutip dari HSK atas faktor-faktor berikut:-

- (i) Pihak tapak semaian menghadapi masalah dengan bekalan anak benih daripada pokok ibu dari segi kuantiti penghasilan biji benih.
- (ii) Pihak tapak semaian hanya mengutip biji benih yang luruh dan anak benih yang sihat berhampiran pokok ibu. Biji benih pada pokok ibu tidak dapat dikutip berikutan pasukan pemanjat JPMPK tidak lagi aktif dan kekurangan peralatan pemanjat. Ini menyebabkan kesukaran pihak tapak semaian untuk mengutip biji benih yang berkualiti dari pokok ibu di HSK.
- (iii) Sistem penyampaian maklumat fenologi yang tidak teratur dan cekap untuk membolehkan pihak tapak semaian menjalankan pengutipan anak benih.

### Penubuhan Arboretum Perhutanan

Penubuhan arboretum perhutanan ini dijalankan dengan tujuan untuk menjadikan kawasan HSK yang miskin, kawasan pencerobohan dengan penanaman pokok-pokok dari pelbagai spesies pokok seperti pokok buah-buahan, pokok dari kaum dipterokarpa dan bukan dipterokarpa. Selain itu juga, dapat menjadikan kawasan tersebut sebagai tujuan pemuliharaan sumber genetik, pendidikan dan penyelidikan.

### Perhutanan Bandar

Projek Perhutanan Bandar adalah penanaman pokok di tepi jalanraya dan lorong pejalan kaki dalam kawasan bandar (pekan). Kerja-kerja ini dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerajaan yang lain dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Dibawah projek ini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan membekal pokok-pokok pengindahan bandar yang sesuai yang berasal dari Hutan Asli kepada pihak yang berminat. Projek ini adalah diantara Program Penghijauan Bandar yang boleh membantu menstabilkan suhu persekitaran bandar termasuk Bandaraya Ipoh.

### STRATEGI DAN HALA TUJU

Pemberian insentif dan galakan belajar kepada mana-mana staf Jabatan yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang tertentu seperti sains tanah misalnya. Pewujudan golongan pakar penyelidik di peringkat Jabatan haruslah disasarkan bagi menaikkan imej Jabatan sekaligus dapat memberikan manfaat terhadap pihak Jabatan.

Penyediaan garis panduan untuk projek-projek atau program-program perhutanan sosial (hutan tani, hutan perkampungan dan hutan masyarakat) dan seterusnya memberikan kefahaman kepada warga Jabatan. Garis panduan yang baik dijangka akan dapat membantu mengatasi masalah pencerobohan kawasan terutamanya yang melibatkan aktiviti pertanian.

Penguatkuasaan undang-undang yang ketat perlu dilakukan terutama yang melibatkan apa-apa aktiviti kesalahan hutan. Penguatkuasaan undang-undang ini bukan hanya tertumpu kepada pihak kontraktor; malah melibatkan juga staf Jabatan sendiri yang cuai dalam melaksanakan tugas.

Perkongsian dan penyelarasan maklumat secara berterusan di antara JPSPM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) terutama melibatkan pengumpulan data seperti data bancian dan tumbesaran. Kebanyakan projek JPSPM di peringkat JPN tidak dihantar maklumat berkaitan ke JPN walaupun untuk kerja-kerja bancian dibantu oleh pihak negeri.

### PENUTUP

Usaha-usaha yang berterusan serta terancang amatlah perlu agar JPMPK dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti pemulihan hutan dan tanaman selaras dengan hasrat untuk menguruskan hutan secara berkekalan dan penjana sumber pendapatan yang berterusan daripada sumber hutan.




Kakitangan Jabatan  
Perhutanan menjalankan  
aktiviti penjarangan pokok  
bakau



## PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN KES-KES KESALAHAN HUTAN


Pada tahun 2013 sebanyak 45 kes kesalahan hutan (termasuk satu (1) kes pembalakan haram) selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 dikesan. Tindakan yang setimpal dan berpadanan seperti yang diperuntukkan di bawah peruntukan undang-undang telah diambil bagi memastikan kes kesalahan hutan seumpama ini tidak berlaku dan berulang lagi pada masa akan datang. Carta 9 menunjukkan trend kes-kes kesalahan hutan dan pembalakan haram tahun 2013.

**Carta 9 :** Trend kes-kes kesalahan hutan dan pembalakan haram tahun 2013



Bagi kes kesalahan hutan tersebut, bayaran kompaun dan gantirugi yang dikutip ialah RM1,574,520.57. Pecahan kutipan kompaun dan gantirugi kes kesalahan hutan mengikut kawasan bagi tahun 2013 seperti ditunjukkan dalam Carta 10.

**Carta 10 :** Pecahan kutipan kompaun dan gantirugi kes kesalahan hutan mengikut kawasan bagi tahun 2013



Sejumlah tujuh (7) kes kesalahan hutan telah didakwa di Mahkamah di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 (Pemakaian) 1985 [Akta 313] pada tahun 2013 manakala satu (1) kes lagi merupakan sambung bicara.



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Majistret Gerik bagi tujuan permohonan reman

**Jadual 1 :** Pengusahaan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2013

Hutan Simpan Kekal (HSK)					Tanah Kerajaan	Tanah Bermilik	Jumlah Kawasan dibuka untuk pengusahaan	
Catuan Tebangan Tahunan		Tujuan Pembangunan	Ladang Hutan	Lain-Lain				Jumlah
Diluluskan	Tebangan Diusahakan							
6990.0 Ha	8642.0 Ha		80 Ha		877.20 Ha	2789.953 ha	1258.151 Ha	12770.104 Ha

\*Peratus berbanding jumlah keluasan pengusahaan.


Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2013 adalah berjumlah 576,466.7 m<sup>3</sup> yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Carta 2.

**Jadual 2 :** Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2013

Bil.	Kumpulan Jenis Kayu	Pengeluaran (m <sup>3</sup> )	Peratus (%)*
1.	Kayu Keras Berat (KKB)	51,671.68	9
2.	Kayu Keras Sederhana (KKS)	184,400.62	32
3.	Kayu Keras Ringan (KKR)	340,394.49	59
4.	Lain-Lain Jenis (LLJ)		
<b>JUMLAH</b>		<b>576,466.79</b>	<b>100.00</b>

\*Peratus berbanding Jumlah Pengeluaran

**Carta 1 :** Peratus Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2013



## INDUSTRI BERASASKAN KAYU

Bilangan kilang di bawah Industri Berasaskan Kayu Terpilih yang dilesenkan (berdaftar) di Negeri Perak Darul Ridzuan dalam Tahun 2013 adalah 707 buah. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti dinyatakan dalam Jadual 3.

**Jadual 3 :** Bilangan Kilang Dalam Industri Berasaskan Kayu Terpilih Tahun 2013

Bil.	Jenis Kilang	Bilangan		Peratus (%)*
		Lesen	Beroperasi	
1.	Kilang Papan (KP)	96	77	80.20
2.	Kilang Kayu Kumai (KU)	4	3	75.00
3.	Kilang Papan Lapis/Venir (PL/KV)	11	6	54.54
4.	Kilang Perabot/ Kerja Kayu (PE/KK)	373	312	83.65
5.	Loji Pengawetan (LP)	38	26	68.42
6.	Loji Tanur Pengering (TP)	28	21	75.00
7.	Kilang Buluh (BU)	22	6	27.27
8.	Kilang Rotan (RO)	6	3	50.00
9.	Tanur Arang (TA)	111	111	100
10.	Kilang Kayu Getah (GE)	15	12	80.00
11.	Kilang Penyulingan Kayu (LP)	1	1	100.00
12.	Loji Tepung Kayu (TK)	1	1	100.00
13.	Papan Serpih/ Serpai (PS)	1	1	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>707</b>	<b>580</b>	<b>994.08</b>

\*Berbanding Jumlah Bilangan Beroperasi

Penggunaan (kemasukan) Kayu Balak oleh Kilang Papan adalah 446,190.78 m<sup>3</sup> dengan pengeluaran 348,996.45 m<sup>3</sup> (78%) Kilang Papan Lapis/Venir adalah 73,387.44 m<sup>3</sup> dengan pengeluaran 31,441.24 m<sup>3</sup> (43%). Manakala kemasukan Kayu Gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 39,966.56 m<sup>3</sup> dengan pengeluaran 12,195.96 m<sup>3</sup> (31%). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.

**Jadual 4 :** Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasaskan Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2013

Bil.	Jenis Kilang	Penggunaan (m3)	Pengeluaran (m3)	Peratus* (%)
1.	Kilang Papan	446,190.78	348,996.45	78.22
2.	Kilang Papan Lapis/Venir	73,387.44	31,441.24	42.84
3.	Kilang Kayu Kumai	39,966.56	12,195.96	30.52
<b>JUMLAH</b>		<b>559,544.78</b>	<b>392,633.65</b>	<b>70.17</b>

\*Peratus pengeluaran berbanding penggunaan


Di samping itu, bilangan pekerja diupah dalam Industri Pembalakan dan Industri Berasaskan Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2013 adalah berjumlah 2741 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Carta 5.

**Jadual 5 :** Pekerja upahan dalam Industri Berasaskan Kayu Terpilih Tahun 2013

Bil.	Industri	Bilangan Pekerja	Peratus* (%)
1.	Kilang Papan (KP)	2254	82.23
2.	Kilang Papan Lapis/Venir (KPL)	424	15.47
3.	Kilang Kayu Kumai (KKK)	63	2.3
<b>JUMLAH</b>		<b>2741</b>	<b>100.00</b>

\*Perbandingan Jumlah Bilangan Pekerja

**Carta 2 :** Peratus Perbandingan Pekerja Upahan Dalam Industri Berasaskan Kayu Terpilih Tahun 2012



- Kilang Papan • 82%
- Kilang Papan Lapis/Venir • 16%
- Kilang Kayu Kumai • 2%



## PROGRAM EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR

Hutan Lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, bersukan, penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan flora dan fauna. Peranan pihak jabatan dalam menyediakan tempat yang sesuai untuk riadah dan istirehat menjadi semakin penting di Negara ini ekoran kesedaran orang ramai terhadap kepentingan serta faedah alam sekitar. Hutan Lipur merupakan salah satu daripada

11 Fungsi Hutan di bawah Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Sejumlah 16 buah Hutan Lipur telah ditubuhkan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak bermula tahun 1979. Kedudukan setiap Hutan Lipur sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan A. Pada tahun 2013, seramai 541,219 orang telah mengunjungi Hutan Lipur Negeri Perak. Maklumat terperinci setiap Hutan Lipur seperti berikut:

**Jadual 5 :** Hutan Lipur Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bil	Nama Hutan Lipur	Tahun Penubuhan	Daerah Pentadbiran Hutan	Luas Pembangunan (Ha)
1.	Lata Iskandar	1979	Perak Selatan	15.0
2.	Bukit Larut	1979	Larut & Matang	15.0
3.	Kuala Woh	1983	Perak Selatan	45.0
4.	Ulu Kinta	1987	Kinta / Manjung	15.0
5.	Taman Eko-Rimba Lata Kinjang	1989	Perak Selatan	20.0
6.	Ulu Kenas	1990	Kuala Kangsar	20.0
7.	Lata Kekabu	1990	Hulu Perak	10.0
8.	Papan	1992	Kinta / Manjung	10.0
9.	Pulau Pangkor	1992	Kinta / Manjung	20.0
10.	Pasir Panjang	1996	Kinta / Manjung	15.0
11.	Tali Kail	1997	Hulu Perak	263.0
12.	Sungai Salu	1998	Kinta / Manjung	10.0
13.	Sungai Nyior	1998	Larut & Matang	10.0
14.	Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang	2004	Larut & Matang	15.0
15.	Ulu Licin	2006	Kinta / Manjung	30.0
16.	Taman Rimba Kledang Saiong	2010	Kinta / Manjung	20.0

Pada tahun 2013, Unit Hutan Lipur telah menerima sebanyak RM 1,500,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi Program Eko Pelancongan dan Hutan Lipur Projek Penubuhan & Penyelenggaraan Hutan Lipur. Projek ini bertujuan membangunkan Hutan Lipur dan penyelenggaraan kemudahan untuk keselesaan pengguna. Disebabkan tiada penubuhan Hutan Lipur baru keseluruhan peruntukan dibelanjakan untuk pembersihan kawasan Hutan Lipur, penyelenggaraan kemudahan Hutan Lipur, pembinaan satu unit dormitori di Pusat Eko Pelajaran Kuala Sepetang, dan kerja-kerja pengurusan pokok bahaya. Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), sebanyak RM 1,409,450.00 telah diterima untuk tiga (3) projek iaitu Projek Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Hutan Lipur, Projek Pembangunan Prasarana & Pemrograman Rekreasi di Taman Rimba Kledang Saiong dan Projek Sistem Amaran Kepala Air. Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi menjalankan kerja-kerja menaiktaraf dan penjenamaan semula Taman Eko Rimba Lata Kinjang, membina trek basikal lasak, membangunkan lanskap untuk Taman Nepenthes Kledang Saiong dan memasang penggera Kepala Air di Hutan Lipur Ulu Kenas Daerah Kuala Kangsar, Hutan Lipur Kuala Woh Daerah Perak Selatan, Taman Eko Rimba Lata Kinjang Daerah Perak Selatan dan Hutan Lipur Papan Daerah Kinta Manjung.



## **PROGRAM PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN**

### **PROJEK : RISALAH PERHUTANAN & LAIN-LAIN PENERBITAN**

Penyebaran maklumat melalui risalah penerangan mengenai pelbagai aspek dalam bidang perhutanan amatlah penting bagi mendidik dan meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat dan pelajar. Bagi melaksanakan tujuan tersebut sebanyak RM 137,000.00 telah diterima di bawah Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Antara risalah yang telah diterbitkan adalah memcetak semula Buku Herba Edisi I, memcetak Buku Herba Edisi II, memcetak Laporan Tahunan 2012, memcetak poster-poster bagi tujuan pameran, memcetak brosur hutan Lipur, dan membeli Coffee Table Book berkaitan perhutanan.

### **PROJEK : PAMERAN PERHUTANAN**

Dalam usaha untuk mengembangkan ilmu perhutanan kepada masyarakat, pihak jabatan mengambil inisiatif mengadakan pameran perhutanan dengan tujuan memberi maklumat kepada masyarakat berkaitan fungsi dan peranan jabatan perhutanan dalam mengurus dan memelihara hutan asli dan sumbangan bidang perhutanan kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 16 pameran telah diadakan diantaranya ialah pameran sempena The Conference On Perak's Central forest Spine: The Offing Of The State's Biodiversity Bastion, pameran sempena Fearless MRB Jamboree, pameran sempena Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Peringkat Kebangsaan Kali Ke-42 di Negeri Pahang, pameran Hari Bumi, pameran sempena Majlis Sambutan Hari RTM Ke-67, Hari Hutan Antarabangsa & Hari Telekomunikasi sedunia Peringkat Negeri Perak dan pameran Eco Outing Day. Peruntukan yang diterima dibelanjakan untuk sewaan booth dan pembelian barangan pameran yang berkaitan.





## PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN BAGI TAHUN 2013

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini dalam tahun 2013 adalah seperti berikut :

### PENYELENGGARAAN / NAIKTARAF BANGUNAN PEJABAT & KUARTERS

Pada tahun 2013, sejumlah RM 1.5 Juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf bangunan pejabat dan kuarters bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Pejabat Hutan Daerah serta Pejabat Renjer yang terlibat diseluruh Perak. Bangunan pejabat dan kuarters jabatan yang dibina di setiap daerah adalah merupakan aset jabatan yang perlu dijaga dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan kuarters masih terjaga dan dalam keadaan baik serta sempurna. Selain dari itu, keadaan kuarters yang bersih, selamat dan selesa untuk diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.

Kerja-kerja yang dijalankan adalah meliputi penyelenggaraan am dan pendawaian semula. Ini adalah untuk memastikan tahap keselesaan dan keselamatan penghuninya sentiasa terjamin. Sepanjang tahun 2013, sebanyak RM 1,502,202.74 (100.15%) telah dibelanjakan dalam memastikan keadaan pejabat dan kuarters jabatan berada pada tahap yang baik.

### PEMBINAAN BARU BANGUNAN PEJABAT / KUARTERS

Perancangan pembangunan bagi tahun 2013 bagi pembinaan bangunan baru, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM 800,000.00 dan telah membelanjakan sejumlah RM 771,554.30 (96.44%) bagi membina baru bangunan stor rampasan di Gerik, Kuala Trong dan membina baru pagar dikawasan Stor di Batu Gajah bagi memenuhi keperluan serta untuk menempatkan barang-barang rampasan bagi kes-kes kesalahan hutan. Pembinaan stor ini juga dapat mengurangkan risiko barang-barang rampasan tersebut dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab selain dapat dijadikan bukti untuk pendakwaan di mahkamah. Selain itu, pembinaan sebuah kuarters berkembar kelas 'H' di kawasan Kuarters Jabatan di Bandariang telah dilaksanakan bagi menampung keperluan serta permintaan yang tinggi.

### PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN HUTAN

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Penyelenggaraan jalan hutan bagi tahun 2013 telah diperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 dan berjaya dibelanjakan. Penyelenggaraan ini adalah penting bagi memastikan jalan hutan yang dibina mematuhi spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2010 disamping dapat mengurangkan kesan hakisan tanah dan dapat melindungi alam sekitar.

## PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Program pembangunan ladang hutan bagi tahun 2013 telah memperuntukkan sebanyak RM 200,000.00 untuk rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan sediaada. Daripada peruntukkan yang diberikan, sebanyak RM 199,930.00 (100%) telah dibelanjakan sepanjang tahun 2013. Bagi rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan getah seluas 10 hektar di HS Chikus sebanyak RM 63,943.00 telah dibelanjakan, rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan Meranti Rambai Daun dan Meranti Sarang Punai seluas 20 hektar di HS Chikus sebanyak RM 53,425.00, rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan Chengal dan Kapur seluas 18 hektar di HS Chikus sebanyak RM 46,382.00, rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan karas di HS Segari Melintang sebanyak RM 21,360.00 dan rawatan dan penyelenggaraan ladang hutan getah di HS Batu Undan sebanyak RM 15,000.00 telah dibelanjakan.



## TANAMAN DAN RAWATAN HUTAN TANI

Program Sumber Bukan Kayu di bawah Projek Tanaman dan Rawatan Hutan Tani telah memperuntukkan sebanyak RM 50,000.00 dan sebanyak RM 49,807.00 (100%) telah dibelanjakan untuk rawatan dan penyelenggaraan petak hutan tani seluas 40 hektar di HS Chikus dan kerja-kerja membekal anak pokok ke Tapak Semaian Chikus.

## TANAMAN HERBA HUTAN

Tumbuhan Herba Hutan berkhasiat untuk kesihatan tubuh badan manusia serta didapati boleh mengurangkan, menyembuh dan mencegah masalah kesihatan yang dihadapi. Tumbuhan Herba Hutan ini juga telah dieksploitasi dengan meluas secara komersil. Keadaan ini membuatkan Tumbuhan Herba Hutan mempunyai permintaan yang baik di pasaran dan secara tidak langsung mempunyai harga pasaran yang baik. Tumbuhan Herba Hutan yang dimaksudkan terutamanya

adalah seperti Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) dan Kacip Fatimah (*Labisia pumila*). Projek Tanaman Herba Hutan dan Rawatan Tanaman dijalankan untuk menambahkan keluasan Tanaman Herba Hutan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal. Dalam tahun 2013, Projek Tanaman dan Rawatan Herba Hutan telah dijalankan seluas 20.0 hektar Tanaman Herba Hutan telah dijalankan kerja-kerja tanaman (100%) berbanding dengan matlamatnya seluas 20.0 hektar dalam tahun 2013. Projek Rawatan Tanaman Herba Hutan dijalankan bagi kawasan yang telah dijalankan

Tanaman Herba Hutan supaya kawasan tersebut terus terjaga. Tambahan projek pada tahun ini adalah Penubuhan Laman Herba di perkarangan Pejabat Penyiaran RTM, Ipoh sempena Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2013 dan di Tapak Perkhemahan Kaki Bukit Larut, Hutan Simpan Bukit Larut. Tujuan ia ditubuhkan adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai khasiat dan kegunaan tumbuhan herba dan ubatan. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja Tanaman dan Rawatan Herba Hutan ini adalah RM131,272.20 (99.98%) dari peruntukan sebanyak RM131,292.00.

## TANAMAN ROTAN

Rotan merupakan antara hasil hutan yang bernilai dan semakin dikenali kerana keunikan dan kecantikannya apabila direkabentuk menjadi perabot dan kraftangan. Jenis rotan yang menjadi pilihan dan mempunyai pasaran adalah Rotan Manau (*Calamus manau*) dan Rotan Segu (*Calamus caesius*) yang masing-masing digunakan bagi rangka/komponen perabot rotan dan untuk ikatan/penyambungan komponen perabot. Projek Tanaman Rotan dijalankan untuk menampung dan menjamin bekalan sumber rotan terus kekal di masa hadapan memandangkan permintaan dari industri dan penggunaannya yang semakin meningkat.

Dalam tahun 2013, Projek Tanaman Rotan dan Bancian Tanaman telah dijalankan. Seluas 10.0 hektar Tanaman Rotan telah dijalankan kerja-kerja rawatan (100%) berbanding dengan matlamatnya seluas 10.0 hektar dalam tahun 2013. Kerja-kerja rawatan ke atas pokok rotan yang telah ditanam perlu dijalankan sehingga pokok rotan yang ditanam tersebut boleh membesar dengan sendirinya. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan projek ini adalah RM27,558.00 (100%) dari peruntukan RM27,558.00.

## TANAMAN BULUH

Projek Tanaman Buluh dijalankan bagi membolehkan Buluh dari jenis yang dikehendaki dan berkualiti dapat dibekalkan dengan mencukupi secara berterusan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terutama dalam pembuatan perabot dan kraftangan. Di

antara jenis buluh yang biasa ditanam adalah Buluh Beting (*Gigantochloa levis*) dan Buluh Betung (*Dendrocalamus asper*).

Dalam tahun 2013, seluas 5.0 hektar (100%) kawasan tanaman buluh telah dijalankan Projek Tanaman berbanding dengan matlamatnya 10.0 hektar. Projek Rawatan Tanaman Buluh dijalankan sehingga pokok buluh tersebut boleh membesar dengan sendirinya. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan projek ini adalah RM41,150.00 (100%) dari peruntukan sebanyak RM41,150.00.

## PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA PAPAN

Pelaksanaan projek di Taman Herba Papan dilaksanakan bagi mengwujudkan sebuah Taman Herba yang akan menjadi pusat rujukan dan menempatkan koleksi tumbuhan ubatan samada yang terdapat dalam hutan asli, yang biasa digunakan oleh masyarakat, yang dikomersilkan dan tumbuhan ubatan yang lain. Disamping itu Taman Herba ini menjadi destinasi pelancongan dan penyelidikan yang menarik dan informatif. Taman Herba Papan ini juga selaras dengan konsep pemuliharaan tumbuhan ubatan samada tumbuhan sediaada/kawasan berdekatan ("*in-situ*") dan tumbuhan yang didatangkan (berasal) dari tempat lain ("*ex-situ*"). Kewujudan Taman Herba Papan ini sedikit sebanyak dapat menyebarkan maklumat mengenai fungsi hutan kepada masyarakat. Dalam tahun 2013, pelaksanaan projek telah dijalankan secara jabatan dan kontrak dengan satu matlamat fizikal. Perbelanjaan yang digunakan untuk menjalankan projek ini adalah RM244,925.40 (99.97%) dari peruntukan sebanyak RM245,000.00.



## LATIHAN DAN KURSUS TAHUN 2013

Bagi Tahun 2013, sebanyak 15 buah kursus telah berjaya dijalankan mengikut perancangan yang mana 6 daripadanya merupakan kursus tambahan. Selain itu, Unit Pengembangan & Inovasi juga telah berjaya mengadakan 7 buah taklimat kepada kakitangan dan sekaligus menjadikan jumlah kursus, latihan dan taklimat adalah sebanyak 22 buah. Kesemua program yang telah dijalankan menggunakan peruntukkan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Jumlah yang telah dibelanjakan bagi tujuan kursus dan latihan adalah RM 120,309.53, iaitu 97.02%. Jumlah yang dibelanjakan meliputi perbelanjaan untuk menjalankan program-program yang telah dirancang

dan juga bayaran untuk kursus dan latihan dari luar yang diterima oleh kakitangan dan pegawai Jabatan. Selain pengendalian kursus dan latihan, unit Pengembangan dan Inovasi bertanggungjawab untuk menyelaraskan penempatan pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri di jabatan ini. Unit ini juga berperanan dalam aktiviti ceramah perhutanan yang disampaikan kepada murid-murid sekolah bersempena penganjuran program-program perhutanan seperti Hari Hutan Antarabangsa, Program Cintai Warisan Kita Bersama Malakoff Di Hutan Lipur Pulau Pangkor dan 'Amanjaya Tree Planting Program: Future Carbon Stocking And Cleaner Environment In A Biodiversed Forest'. Sebanyak RM 33,422.00 daripada peruntukan bagi aktiviti pengembangan sepanjang tahun 2013.

**Jadual 5 :** Senarai kursus yang telah dijalankan pada tahun 2013

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
1.	Kursus Asas Dendrologi	5 – 7 Februari 2013	Hutan Lipur Ulu Kenas, Kuala Kangsar	40 Orang
2.	Kursus Balai Pemeriksaan Hutan (BPH)	26 – 28 Februari 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	58 Orang
3.	Kursus Dendrologi Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan	26 – 28 Februari 2013	Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah	30 Orang
4.	Kursus Garis Panduan Jalan Hutan 2010 Bil. 1/2013	16-18 April 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	34 Orang
5.	Kursus Pengendalian Bahan Kimia & Racun	24-25 April 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	42 Orang
6.	Kursus Persediaan Pra-Peperiksaan Skim Perkhidmatan Khas bagi Renjer Hutan G17 dan Pengawas Hutan G11 (Teori) Tahun 2013	2-3 Mei 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	88 Orang
7.	Kursus Penggunaan Sistem Pemantauan Hutan Menggunakan Remote Sensing	29-30 April 2013	Makmal Komputer Bangunan Perak Techno Trade Center (PTTC)	40 Orang
8.	Kursus Penubuhan, Pengurusan & Pengendalian Tapak Semaian	4-5 Jun 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	34 Orang
9.	Kursus Pengendalian Dokumentasi Laporan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPNPk	6-7 Jun 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 Orang
10.	Kursus Asas Persediaan Audit Dalam Kriteria Dan Petunjuk Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan Di Malaysia (Mc&I [Hutan Asli])	2-5 Julai 2013	Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah	40 Orang
11.	Kursus Kesedaran Dan Implementasi Ms Iso 9001: 2008 Jabatan Perhutanan Negeri Perak	28 - 29 Ogos 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 Orang
12.	Kursus Latihan Sistem Pengurusan Batu Batan, Pasir dan Tanah Merah	9 September 2013	Bahagian Pengurusan Maklumat, SUK	20 Orang
13.	Bengkel Pemantapan Penilaian Audit Susulan Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan [MC&I (Hutan Asli)]	30 September 2013	Taman Herba & Hutan Lipur Papan	41 Orang
14.	Kursus Kerja Pembangunan Hutan Dan Rawatan Silvikultur Bagi Kontraktor Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak	7-10 Oktober 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	5 Orang Kontraktor
15.	Kursus Teknik Tebangan Pokok Secara Berarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak	7-11 Oktober 2013	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	16 Orang Penebang Pokok



# > Artikel

Jabatan Perhutanan Negeri Perak

*Buah berembang yang boleh dikenalpasti melalui topi atau tampuk*



# AMANJAYA TREE PLANTING PROGRAM

FUTURE CARBON STOCKING AND  
CLEANER ENVIRONMENT IN A  
BIODIVERSIFIED FOREST

Gerik, 7 November 2013; Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak buat julung kalinya telah berjaya menganjurkan *Amanjaya Tree Planting Program*: 'Future Carbon Stocking and Cleaner Environment in a Biodiversified Forest' di Hutan Simpan Amanjaya, Central Forest Spine (CFS), KM 152 Lebuhraya Timur-Barat, Gerik, Perak. Penganjuran program ini bertujuan untuk mewar-warkan usaha Kerajaan Negeri Perak bagi memelihara dan memulihara persekitaran dan ekosistem kawasan CFS yang terletak dalam Hutan Simpan Amanjaya. Usaha ini turut menjadi salah satu cara untuk menekankan betapa pentingnya



peranan Hutan Simpan Amanjaya sebagai takungan karbon yang besar dalam memastikan keseimbangan kitaran karbon di negara ini. Selain itu, ia juga merupakan salah satu langkah Kerajaan Negeri Perak dalam menyumbang peningkatan kandungan karbon negara dari 2.45 juta tan ke 3.8 juta tan, sekaligus mengurangkan kepanasan suhu global. Menerusi penganjuran program ini, ia telah menjadi *platform* untuk menggalakkan penglibatan pelabur luar bagi menyokong aktiviti penanaman semula kawasan hutan dan meningkatkan kandungan karbon di Hutan Simpan Amanjaya amnya.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran lebih 500 orang terdiri daripada duta negara luar, wakil jabatan dan agensikerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, pelajar sekolah dan masyarakat tempatan. Terdapat 4 buah sekolah yang terlibat dalam program ini, iaitu Sekolah Menengah Teknik Gerik, Sekolah Menengah Kebangsaan Bersia (FELDA), Sekolah Kebangsaan Basia Lama dan Sekolah Kebangsaan RKT Bersia. Program dimulakan dengan persembahan koir oleh kumpulan Bayu Rimba dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak, bicara berirama oleh pelajar Sekolah Menengah Teknik Gerik dan ucapan aluan dari Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambray bin Abd. Kadir. Program diteruskan dengan majlis perasmian oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan diteruskan dengan tayangan gimik serta klip montaj yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Pada acara kemuncak program, DYMM Raja Dr. Nazrin Shah menanam pokok *Neobalanocarpus heimii* (Chengal) bagi pokok ke sejuta dalam Kempen Penanaman Sejuta Pokok Negeri Perak Tahun 2013. Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim juga turut sama menanam pokok dalam program ini diikuti YAB Menteri Besar dan isteri, dif-dif kehormat, pelajar-pelajar sekolah dan para jemputan lain. Sebanyak 502 pokok hutan pelbagai spesies telah ditanam dalam program ini. Selain daripada menandakan kejayaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam melaksanakan Kempen Penanaman Sejuta Pokok Negeri Perak, penanaman pokok ini juga merupakan permulaan bagi Kempen Penanaman 2 Juta Pokok.

Pengisian lain dalam program ini adalah pameran oleh Jabatan Perhutanan Negeri serta agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Perbadanan Taman Negeri dan Perak Tourism. Pelajar sekolah turut berpeluang untuk mendapat ilmu tambahan berkenaan hutan, peranan CFS dan lain-lain menerusi interaksi antara pegawai-pegawai di *booth* pameran. Program ini berakhir pada pukul 1.00 petang. Secara keseluruhannya program ini telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama dan bantuan daripada pelbagai jabatan kerajaan dan agensi seperti Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Jabatan Kerja Raya, Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Air Perak dan lain-lain.

# MAJLIS SAMBUTAN HARI RTM KE-67, HARI HUTAN ANTARABANGSA & HARI TELEKOMUNIKASI SEDUNIA

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2013

Ipoh, 18 Mei 2013 – Jabatan Perhutanan Negeri Perak buat julung kalinya telah bekerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Perak dan Telekom Malaysia (TM) Perak bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari RTM Ke-67, Hari Hutan Antarabangsa & Hari Telekomunikasi Sedunia Peringkat Negeri Perak Tahun 2013 yang bertemakan 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat'. Sambutan tersebut telah berlangsung selama dua (2) hari pada 18 hingga 19 Mei 2013 di Kompleks Bersepadu Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan (KPKK), RTM Perak, Jalan Musa Mahadi, Ipoh. Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus selaku Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran Strategik, Jabatan Penyiaran Malaysia diikuti ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim iaitu Ketua

Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tuan Haji Badrul Hisham Bin Bahari selaku Pengurus Besar TM Negeri Perak turut mengambil peluang untuk menyampaikan ucapan di dalam majlis tersebut. Selain daripada gimik perasmian, Buku Herba Jabatan Perhutanan Negeri Perak turut dilancarkan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir dengan diiringi oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim dan Pengarah Perhutanan Negeri Perak, YBhg. Dato' Hj. Roslan Bin Ariffin sekaligus merasmikan penubuhan *Forest Island Amanjaya & Halaman Herba As Syifa'*. Keistimewaan sambutan pada kali ini ialah melibatkan kerjasama di antara tiga agensi yang unggul yang sememangnya signifikan kerana ia berjaya menyahut wawasan Strategi Lautan Biru Nasional (*National Blue Ocean*







telah disampaikan oleh Ustaz Harith Fadilah Abdul Halim, dari Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Pelbagai pameran turut disediakan di mana bukan sahaja tiga agensi besar ini yang terlibat malah agensi lain seperti Kraftangan Malaysia juga turut menyerikan lagi majlis. Kedatangan para pengujung yang tidak henti-henti sehingga malam penutup menambahkan lagi kemeriahan sambutan majlis ini. Majlis diakhiri dengan persembahan nyanyian dari Dato' Dr Ahmad Nawab, Najwa Latif, Lan Kristal, Nasir Wahab dan Nor Shila Amin.

Strategy - NBOS). Kerjasama ini merupakan satu langkah yang baik dalam memperkasa kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar bukan sahaja di kalangan kakitangan kerajaan malah syarikat swasta turut prihatin terhadap perkara ini. Selain itu, pengisian program yang dianjurkan amat menarik antaranya, aktiviti menanam pokok bersama Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia yang melibatkan seramai 50 orang peserta. Aktiviti seumpama ini bukan sahaja mampu menyedarkan golongan remaja dan belia tentang betapa pentingnya penjagaan pokok dan hutan malah juga tidak mengetepikan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam sama-sama memastikan kelestarian alam dijaga. Selain itu, pelajar sekolah juga turut hadir memberi sokongan dengan menyertai pelbagai aktiviti yang menarik seperti ceramah perhutanan, program bijak sifir, pertandingan mewarna, PC Assemble dan persembahan Choral Speaking dari pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Treacher Methodist, Taiping. Pada sebelah malamnya pula, pelbagai pengisian telah dirangka antaranya Program Wacana Ilmu yang



# PENEMUAN SPESIES KERUING PAYA DI HUTAN SIMPAN CHIKUS



**Nama tempatan** : Keruing Paya (ia juga dikenali sebagai keruing dadeh)

**Nama Siantifik** : *Dipterocarpus coriaceus*

**Genus** : *Dipterocarpus*

**Famili** : *Dipterocarpaceae*

**Kelas** : *Magnoliopsida*



Nama Keruing Paya merujuk kepada habitatnya dimana pokok ini hanya terdapat dan hidup di hutan berpaya. Mengikut buku 'Malaysia Plant Red List' spesies Keruing Paya (*Dipterocarpus coriaceus*) merupakan spesies kritikal terancam (*critically endangered*) di bawah *International Union Conservation of Nature (IUCN)*. Keadaan ini dipercayai akibat daripada perubahan guna tanah.

Spesies pokok Keruing Paya hanya boleh dijumpai di tiga (3) lokasi di dunia; Kalimantan dan Sumatra (Indonesia) dan Selatan Negeri

Perak. Spesies ini hanya dijumpai di kawasan Hutan Simpan Bikam dan terkini di kawasan Hutan Simpan Chikus di mana kedua-dua kawasan terletak di hutan paya air tawar (*freshwater*).

Pada tahun 1930, pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengumpul spesimen Keruing Paya yang telah dikutip di sekitar kompartmen 15 dan 16 Hutan Simpan Bikam. Merujuk kepada rekod spesimen di Herbarium FRIM Kepong, spesies ini pernah dijumpai di Bukit Kecil, Hutan Simpan Bikam, Changkat Jong dan Hutan Melintang di Negeri Perak (rujukan dari Chua et al,



2012) di mana tumbesaran Keruing Paya adalah berkelompok (*gergarius*) dan kawasan hutan berpaya merupakan habitat dominan.

Justeru itu, penemuan spesies ini oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) di Hutan Simpan Chikus merupakan satu kejayaan yang harus dibanggakan. Sehubungan dengan itu, JPNPk telah menjemput pakar daripada FRIM iaitu Dr. Lillian Chua Swee Lian, Pegawai Penyelidik Kanan untuk menjalankan semakan dan siasatan ke atas kawasan tersebut dan juga membuat kutipan anak pokok liar Keruing Paya untuk tujuan pemeliharaan secara *ex-situ*.

Pada 23 Ogos 2013, tiga (3) pegawai FRIM bersama kakitangan JPNPk Ipoh dan Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan (PHDPS) telah menjalankan pemeriksaan bagi mengesahkan tiga pokok yang telah dijumpai di kompartmen 51 dan 52 Hutan Simpan Chikus adalah dari spesies Keruing Paya. Semakan tersebut menemui tiga (3) pokok keruing paya berukuran kira-kira 70 cm dbh dan satu (1) pokok *juvenile* berukuran 2 cm dbh.

Lanjutan itu, kakitangan Unit Perancangan dan Pengurusan dan PHDPS menjalankan bancian pada 26 Ogos 2013. Bancian merekodkan dua (2) pokok ibu dan enam (6) anak pokok Keruing Paya.

Susulan dari itu, pada 19 September 2013, siasatan lanjut telah dilakukan dan JPNPk telah menyediakan petak berkeluasan lebih kurang 4

hektar (ha) untuk dijadikan petak perlindungan. JPNPk amat komited terhadap usaha melaksanakan pemuliharaan dan melindungi taburan anak benih serta habitat spesies Keruing Paya supaya dapat mengekalkan kemandirian spesies Keruing Paya di Semenanjung Malaysia untuk jangka masa yang panjang.



## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PROJEK “CINTAI HUTAN WARISAN KITA”

**ANJURAN MALAKOFF CORPORATION BERHAD DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Pulau Pangkor, 6 Julai 2013 – Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) buat julung kalinya telah bekerjasama dengan Syarikat Malakoff Corporation Berhad dalam menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat, Projek “Cintai Hutan Warisan Kita” di Resort Jabatan Perhutanan, Hutan Lipur Pulau Pangkor. Kerjasama ini merupakan kejayaan kali kedua JPNPK dalam merealisasikan strategi lautan biru selepas berjaya bekerjasama dengan RTM Perak dan TM Perak dalam menjayakan Sambutan Hari RTM ke-67, Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Telekomunikasi Sedunia di Kompleks Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri, Ipoh pada 18 hingga 19 Mei 2013 yang lalu. Objektif program ini adalah untuk mengayakan semula kawasan berkenaan dengan spesies pokok hutan seperti Balau putih, Balau pasir, Meranti singkawang merah, Kempas, Kulim, Beruas, Tulang daing dan Mempari. Hal ini bertepatan dengan kesungguhan dan hasrat mumi serta komitmen kerajaan dalam menerap dan memperkasa pengurusan khazanah hutan untuk kesejahteraan masyarakat sejagat.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh En. Bani Bin Zainal Azmian selaku Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat Syarikat Malakoff Corporation Berhad dan majlis perasmian pula telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak. Upacara melepaskan 150 ekor spesies Burung Merbuk dan Burung Terkukur telah menjadi simbolik dalam usaha mengimbangkan sistem ekologi semulajadi selaras dengan usaha pemuliharaan alam sekitar. Antara pengisian program yang dijalankan adalah aktiviti menanam 200 anak pokok bersama 50 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Pangkor di sepanjang persisiran pantai. Selesai aktiviti menanam pokok, para pelajar mengikuti ceramah perhutanan yang disampaikan oleh pegawai dari JPNPK yang bertajuk 'Hutan Kita'. Aktiviti seumpama ini mampu menyedarkan golongan belia tentang betapa pentingnya penjagaan flora dan fauna dalam usaha memastikan kelestarian alam dijaga bersama.



Pihak Malakoff Corporation Berhad turut menyumbang RM3,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Pangkor bagi menjalankan program-program yang berkaitan dengan alam sekitar dan sumbangan 10 buah papan tanda yang diletakkan di sekitar kawasan Hutan Lipur Pulau Pangkor bagi tujuan kesedaran pemuliharaan alam sekitar. Program diakhiri dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada pelajar sekolah tersebut.



# PEMANTAUAN UDARA UNTUK MEMANTAU KAWASAN KAWASAN BERHUTAN DAN TUGAS-TUGAS PENGUATKUASAAN



Pemantauan udara menggunakan helikopter merupakan salah satu kaedah penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) bagi tujuan pemantauan dan pengesanan aktiviti pembalakan haram serta pencerobohan hutan yang berlaku di dalam Hutan Simpan Negeri Perak. Aktiviti pemantauan udara dijalankan berasaskan kepada aduan dan keperluan dari semasa ke semasa memandangkannya kos penerbangan yang agak tinggi.

Selain itu, JPNPK juga melaksanakan pemantauan udara menggunakan helikopter melalui Operasi Bersepadu sebagai Strategi Lautan Biru melibatkan jabatan lain antaranya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara serta Perbadanan Taman Negeri Perak. Hasil dari pemantauan udara yang dilaksanakan, JPNPK juga telah berjaya mengenalpasti kawasan-kawasan Hutan Simpan yang diteroka dan kesalahan hutan.



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK ANJUR  
THE CONFERENCE ON PERAK CENTRAL  
FOREST SPINE:

## THE OFFING OF THE STATE'S BIODIVERSITY BASTION

Ipoh, 19 Februari 2013 – Kerajaan Negeri Perak melalui usaha Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menganjurkan persidangan *Central Forest Spine (CFS)* yang bertempat di Riverfront Hotel & Suites, Ipoh. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Mah Hang Soon dan dihadiri lebih kurang lima ratus (500) tetamu daripada pelbagai agensi kerajaan dan





swasta. Tujuan persidangan ini dianjurkan adalah untuk mewar-warkan sokongan Kerajaan Negeri Perak terhadap usaha Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan *Central Forest Spine (CFS)* melalui projek perintis di Gerik. Sepanjang persidangan ini berlangsung, sebanyak enam (6) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:-

- I. *"The Pragmatism of The Tropical Rainforest Living Collection"* oleh Y.A.Bhg. Tun Jeane Bt. Abdullah, Pengerusi, Tropical Rainforest Conservation & Research Centre.
- II. *"Improving Connectivity in The Central Forest Spine Landscape"* oleh Encik Hari Ramalu, Pengurus Projek, UNDP Malaysia.
- III. *"The Royal Society's SE Asia Rainforest Research Programme; 25 Years of Research at Danum Valley in Sabah"* oleh Dr. Stephen Sutton, The Royal Society's SE Asia Rainforest Research Programme, Sabah.

IV. *"Science - Based Corridor Connectivity: A Case Study of The Belum-Temenggor Primary Linkage"* oleh Dato' Dr. Dionysius S.K Sharma, Executive Director, World Wide-Fund for Nature (WWF) Malaysia.

V. *"Monitoring of Small Vertebrates at Ecological Linkage Belum - Temenggor Forest Reserve"* oleh En. Mohammad Shahfiz Bin Azman, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

VI. *"Experience in Incorporating Smart Green Infrastructure for Wildlife Crossing in Peninsular Malaysia"* oleh Dr. Sivananthan T. Elagupillay, Pengarah Bahagian Eko-Pelancongan PERHILITAN.

Kemuncak acara adalah Majlis Menandatangani Perjanjian di antara Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama Tropical Rainforest Conservation & Research Centre Berhad berkaitan dengan projek **"The Establishment and Operation of The Tropical Rainforest Living Collection Banun and Related Objectives"** yang telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Menteri Besar Perak dan turut dilancarkan adalah program *"1 Million Trees"* pada sebelah malam majlis tersebut.



## PROJEK PERHUTANAN MASYARAKAT RPS KEMAR, GERIK, PERAK

Gerik, 8 Mac 2013 –Projek Perhutanan Masyarakat RPS Kemar merupakan projek infrastruktur penggerudian dan pembinaan sebuah sistem telaga tiub (tube well system) yang tidak melebihi 100m dengan menggunakan saluran paip bersaiz 6 inci. Dengan adanya pam penyedut 5.3 hp ini, air dapat disalurkan ke tangki air takungan berkapasiti 10,000 galen yang dapat menampung keperluan air kepada hampir 1000 orang penduduk. Projek ini telah bermula pada 3 Ogos 2012 dan dijangka akan siap dalam tempoh masa terdekat dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 150,000.00. Kos tersebut telah disumbangkan oleh para

pengusaha pembalok di kawasan RPS Kemar yang mana mereka menyedari bahawa projek ini merupakan salah satu tanggungjawab korporat (CSR) terhadap masyarakat setempat. Menyedari bahawa kawasan perkampungan ini terletak jauh daripada sumber air terawat, projek ini merupakan salah satu inisiatif bagi membekalkan sumber air bersih yang cukup kepada penduduk setempat. Lanjutan dari itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melancarkan Projek Perhutanan Masyarakat RPS Kemar di Gerik, Perak yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak pada 8 Mac 2013 dengan





simbolik penanaman pokok Petai (*Parkia sp*) sebanyak 1,300 anak pokok. Anak pokok ini telah ditanam dengan jarak tanaman 3m x 10m di kawasan yang berkeluasan 3 hektar. Projek Perhutanan Masyarakat ini juga secara tidak langsung memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memelihara hutan di samping sebagai salah satu punca pendapatan masyarakat melalui sumber hutan. Aktiviti menanam pokok buah-buahan hutan turut dilakukan di sekitar kawasan penempatan supaya hasil tanaman tersebut dapat dinikmati bersama.



# LAWATAN KERJA DELEGASI KONGRES PENYAIR SEDUNIA KE- 33

KE PUSAT EKO PELAJARAN HUTAN  
PAYA LAUT MATANG,  
KUALA SEPETANG, TAIPING, PERAK  
DARUL RIDZUAN


Taiping, 20 Oktober 2013; Negeri Perak Darul Ridzuan buat julung kalinya telah menjadi tuan rumah sempena Kongres Penyair Sedunia yang telah diadakan selama 7 hari, iaitu bermula pada 20 hingga 26 Oktober 2013 di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Taiping. Seramai 200 orang penyair dari 32 buah negara telah menyertai kongres tersebut. Antara negara yang telah mengambil bahagian adalah China, Korea Selatan, Peru, Aceh dan India. Antara aktiviti yang dijalankan di sepanjang kongres tersebut berlangsung adalah lawatan ke Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, iaitu salah satu





Hutan Lipur yang diselia oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Selain itu, pegawai dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah memberi taklimat ringkas berkenaan dengan Sistem Pengurusan Hutan Paya Laut Matang dan turut mengadakan aktiviti menanam anak pokok bakau bagi spesies *Rhizophora apiculata*. Majlis telah diakhiri dengan deklamasi puisi dari delegasi yang hadir dan penyerahan cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan. Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Haji Roslan Bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan. Kongres ini merupakan anjuran Akademi Seni dan Budaya dengan kerjasama Institut Darul Ridzuan.







# > Profil Perhutanan Daerah

Jabatan Perhutanan Negeri Perak

*Susunan pusaran ira kayu menandakan bahagian dahan pokok*

### Keluasan Berhutan di Negeri Perak

1,047,883.86 ha

(termasuk Cadangan HSK – 6,142.14 ha)

HSK	-	95.7%
Tanah Kerajaan & Tanah Milik	-	4.0%
Rizab Hidupan Liar & Santuari Burung	-	0.3%

### Keluasan HSK

1,003,615.86 Ha

(termasuk Cadangan HSK – 6,142.14 ha)

Daerah	Hutan Darat	Hutan Paya Laut	Jumlah
Hulu Perak	448,015.99	-	448,015.99
Larut & Matang	82,976.88	40,537.60	123,514.48
Kuala Kangsar	212,943.41	-	212,943.41
Kinta / Manjung	96,852.74	1,079.15	97,931.89
Perak Selatan	115,067.95	-	115,067.95
<b>Jumlah</b>	<b>955,856.97</b>	<b>41,616.75</b>	<b>997,473.72</b>

### Pengkelasan Hutan

Pengeluaran	-	510,487.86 ha (51.2%)
Perlindungan	-	486,985.86 ha (48.8%)

